

BAB IV : ANALISIS

Di dalam bab ini, penulis akan membentangkan hasil kajian yang merangkumi pemahaman, penghayatan, aktiviti dan masalah responden berkenaan Ilmu Usuluddin yang terdapat di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Oleh itu, hasil kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu maklumat responden, pemahaman responden tentang konsep asas Ilmu Usuluddin di dalam KBSM, penghayatan responden terhadap Ilmu Usuluddin KBSM, aktiviti responden semasa proses pembelajaran Ilmu Usuluddin KBSM dan masalah-masalah yang dihadapi oleh responden.

4.1 Maklumat Responden

Di dalam kajian ini, seramai 204 orang responden daripada pelajar sekolah menengah harian biasa telah diambil sebagai sampel kajian. Mereka adalah terdiri daripada pelajar Tingkatan Lima di sekolah-sekolah berkenaan. Jumlah responden lelaki adalah seramai 52 orang (25.5%) dan bilangan pelajar perempuan adalah seramai 152 (74.5%). Maklumat berkenaan boleh dilihat di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.1(a) : Kategori responden mengikut jantina

		Jantina
Lelaki	Bilangan	52
	%	25.5%
Perempuan	Bilangan	152
	%	74.5%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Dari sudut kebolehan membaca al-Qur'an di kalangan responden, dua orang (1.0%) menyatakan tidak baik, 31 (15.2 %) menyatakan kurang baik, 33 (16.2 %) menyatakan sederhana baik, 125 (61.3 %) menyatakan baik dan seramai 13 orang (6.4 %) menyatakan sangat baik. Ini menunjukkan kebolehan membaca al-Qur'an di kalangan responden masih perlu ditingkatkan. Ringkasan maklumat berkenaan adalah seperti jadual di bawah ;

Jadual 4.1(b) : Kebolehan responden membaca al-Qur'an

		Kebolehan membaca al-Quran dengan baik
Tidak Baik	Bilangan	2
	%	1.0%
Kurang Baik	Bilangan	31
	%	15.2%
Sederhana Baik	Bilangan	33
	%	16.2%
Baik	Bilangan	125
	%	61.3%
Sangat Baik	Bilangan	13
	%	6.4%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Seterusnya, dari aspek kebolehan membaca tulisan jawi, tiga orang (1.5 %) menyatakan tidak baik, 44 (21.6 %) menyatakan kurang baik, 14 (6.9 %) menyatakan sederhana baik, 105 (51.5 %) menyatakan baik dan seramai 38 orang (18.6 %) menyatakan sangat baik. Justeru, kebolehan membaca tulisan jawi di kalangan responden perlu dipertingkatkan lagi. Ringkasan maklumat berkenaan adalah seperti jadual di bawah ;

Jadual 4.1(c) : Kebolehan responden membaca tulisan jawi

		Kebolehan membaca tulisan jawi dengan baik
Tidak Baik	Bilangan	3
	%	1.5%
Kurang Baik	Bilangan	44
:	%	21.6%
Sederhana Baik	Bilangan	14
	%	6.9%
Baik	Bilangan	105
	%	51.5%
Sangat Baik	Bilangan	38
	%	18.6%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Bagi soalan berkenaan adakah ibubapa mempunyai latarbelakang pendidikan agama, 183 orang (89.7 %) menyatakan ya, empat (2.0 %) menyatakan tidak dan 17 orang (8.3 %) menyatakan tidak pasti. Oleh itu, majoriti ibubapa responden mempunyai latarbelakang pendidikan agama. Ringkasan maklumat berkenaan adalah seperti di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.1(d) : Latar belakang pendidikan agama ibubapa responden

		Ibubapa mempunyai latar belakang pendidikan agama
Ya	Bilangan	183
	%	89.7%
Tidak	Bilangan	4
	%	2.0%
Tidak Pasti	Bilangan	17
	%	8.3%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Berkenaan persoalan orang yang mendorong responden untuk mempelajari agama, 15 orang (7.4 %) menyatakan ibu, enam (2.9 %) menyatakan bapa, 170 (83.3 %) menyatakan keluarga, empat (2.0 %) menyatakan rakan dan sembilan orang (4.4 %) menyatakan lain-lain. Oleh yang demikian, kebanyakan responden didorong oleh keluarga masing-masing bagi mempelajari agama. Ringkasan maklumat tersebut adalah seperti jadual di bawah ;

Jadual 4.1(e) : Orang yang mendorong responden mempelajari agama

		Orang yang mendorong responden mempelajari agama
Ibu	Bilangan	15
	%	7.4%
Bapa	Bilangan	6
	%	2.9%
Keluarga	Bilangan	170
	%	83.3%
Rakan	Bilangan	4
	%	2.0%
Lain-Lain	Bilangan	9
	%	4.4%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Bagi persoalan tentang bahagian yang paling diminati di dalam pelajaran Pendidikan Islam di sekolah, 31 orang (15.2 %) menyatakan akidah, 61 (29.9 %) menyatakan ibadah, enam (2.9 %) menyatakan tilawah, 41 (20.1 %) menyatakan sirah, 60 (29.4 %) menyatakan akhlak dan lima orang (2.5 %) menyatakan lain-lain. Justeru, bahagian yang paling diminati responden ialah ibadah diikuti akhlak, sirah, akidah, tilawah dan lain-lain. Maklumat tersebut diringkaskan di dalam jadual berikut ;

Jadual 4.1(f) : Bahagian paling disukai responden di dalam subjek Pendidikan Islam

		Bahagian paling disukai responden di dalam subjek Pendidikan Islam
Akidah	Bilangan	31
	%	15.2%
Ibadah	Bilangan	61
	%	29.9%
Tilawah	Bilangan	6
	%	2.9%
Sirah	Bilangan	41
	%	20.1%
Akhlik	Bilangan	60
	%	29.4%
Lain-Lain	Bilangan	5
	%	2.5%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

Bagi persoalan tentang bahagian yang paling tidak diminati di dalam pelajaran pendidikan islam di sekolah, tujuh orang (3.4 %) menyatakan akidah, empat (2.0 %) menyatakan ibadah, 71 (34.8 %) menyatakan tilawah, 32 (15.7 %) menyatakan sirah, 10 (4.9 %) menyatakan akhlak dan 80 orang (39.2 %) menyatakan lain-lain. Justeru, bahagian yang paling tidak diminati responden di dalam subjek Pendidikan Islam ialah selain perkara yang diberi pilihan jawapan di dalam soalan ini. Maklumat tersebut diringkaskan di dalam jadual berikut ;

Jadual 4.1(g) : Bahagian paling tidak disukai responden di dalam subjek Pendidikan Islam

		Bahagian paling tidak disukai responden di dalam subjek Pendidikan Islam
Akidah	Bilangan	7
	%	3.4%
Ibadah	Bilangan	4
	%	2.0%
Tilawah	Bilangan	71
	%	34.8%
Sirah	Bilangan	32
	%	15.7%
Akhlak	Bilangan	10
	%	4.9%
Lain-Lain	Bilangan	80
	%	39.2%
JUMLAH	Bilangan	204
	%	100.0%

4.2 Pemahaman Responden Tentang Konsep Asas Ilmu Usuluddin Di Dalam KBSM

4.2.1 Konsep Umum

Hasil borang kaji selidik yang diedarkan kepada para pelajar bagi mengetahui tahap kefahaman mereka berkenaan perkara-perkara asas di dalam Ilmu Usuluddin KBSM menunjukkan kebanyakan daripada menyatakan sederhana faham dan faham tentang item-item yang ditanya kepada mereka. Walaupun tidak dapat dinafikan terdapat beberapa item yang menunjukkan tahap kefahaman mereka mengenainya adalah di peringkat sangat faham. Justeru, jika lihat tentang perkara yang berkaitan dengan maksud akidah menurut al-Qur'an, enam (2.9 %) menjawab tidak faham, 29 (14.2 %) menjawab kurang faham, 38 (18.6 %) menjawab sederhana faham, 127 (62.3 %) menjawab faham dan hanya seramai empat orang (2.0 %) menjawab sangat faham. Ini menunjukkan bahawa

tahap kefahaman mereka mengenai pengertian akidah menurut al-Qur'an perlu dipertingkatkan lagi. Berkennaan perkara maksud Islam secara jelas, tiada responden yang tidak faham mengenai item tersebut. Walau bagaimanapun, seramai lima orang (2.5 %) menjawab kurang faham, 13 (6.4 %) menjawab sederhana faham, 146 (71.6 %) menjawab faham dan 40 (19.6 %) menjawab sangat faham. Bagi perkara yang berkennaan maksud ihsan secara jelas, seorang responden (0.5 %) menjawab tidak faham, 28 (13.7 %) menjawab kurang faham, 39 (19.1 %) menjawab sederhana faham, 114 (55.9 %) menjawab faham dan 22 orang (10.8 %) menjawab sangat faham.

Sementara itu, berkennaan pemahaman responden tentang prinsip-prinsip akidah Islam, seorang (0.5 %) menjawab tidak faham, 29 (14.2 %) menjawab kurang faham, 84 (41.2 %) menjawab sederhana faham, 80 (39.2 %) menjawab faham dan seramai 10 orang (4.9 %) menjawab sangat faham. Oleh yang demikian, kebanyakan responden masih berada di tahap sederhana tentang kefahaman mereka mengenai prinsip-prinsip akidah Islam. Seterusnya, berkennaan kefahaman responden tentang perkara-perkara yang boleh membatalkan iman seseorang, tiada yang menjawab tidak faham, empat (2.0 %) menyatakan kurang faham, dua (1.0 %) menyatakan sederhana faham, 126 (61.8 %) menyatakan faham dan seramai 72 orang (35.3 %) menjawab sangat faham. Bagi perkara yang berkaitan dengan konsep dan maksud bertakwa kepada Allah SWT, tiada yang menjawab tidak faham, lapan (3.9 %) menjawab kurang faham, 11 (5.4 %) menjawab sederhana faham, 130 (63.7 %) menjawab faham dan 55 (27.0 %) menjawab sangat faham. Apabila ditanya pula tentang kefahaman mereka

mengenai maksud keadilan di dalam Islam, seorang (0.5 %) menjawab tidak faham, 17 (8.3 %) menjawab kurang faham, 29 (14.2 %) menjawab sederhana faham, 111 (54.4 %) menjawab faham dan seramai 46 (22.5 %) menjawab sangat faham.

:

Menyentuh tentang kefahaman responden mengenai maksud bertawakal kepada Allah SWT, tiada di antara mereka yang tidak faham. Meskipun begitu, empat (2.0 %) daripada mereka menjawab kurang faham, 16 (7.8 %) menjawab sederhana faham, 117 (57.4 %) menjawab faham dan 67 (32.8 %) menjawab sangat faham. Sementara itu, mengenai pemahaman responden tentang peranan iman dalam memberi kekuatan rohani, jasmani dan akal, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, 15 (7.4 %) menyatakan kurang faham, 33 (16.2 %) menyatakan sederhana faham, 118 (57.8 %) menyatakan faham dan 37 (18.1 %) menyatakan sangat faham. Seterusnya, dari aspek kefahaman responden tentang pengertian kemanisan iman, seorang (0.5 %) menjawab tidak faham, 27 (13.2 %) menjawab kurang faham, 44 (21.6 %) menjawab sederhana faham, 112 (54.9 %) menjawab faham dan 20 (9.8 %) menjawab sangat faham.

Dalam pada itu, dari sudut kefahaman responden tentang cara-cara untuk meningkatkan keimanan mereka kepada Allah SWT, tiada yang menyatakan tidak faham, empat (2.0 %) menyatakan kurang faham, sembilan (4.4 %) menyatakan sederhana faham, 122 (59.8 %) menyatakan faham dan seramai 69 orang (33.8 %) menyatakan sangat faham. Mengenai kefahaman responden tentang cara-cara Islam mampu membangunkan tamadun manusia pula, seorang (0.5 %)

menyatakan tidak faham, 11 (5.4 %) menyatakan kurang faham, 52 (25.5 %) menyatakan sederhana faham, 106 (52.0 %) menyatakan faham dan seramai 34 orang (16.7 %) menyatakan sangat faham.

Persoalan mengenai cara-cara Islam membawa rahmat kepada seluruh alam, 17 (8.3 %) menyatakan kurang faham, 33 (16.2 %) menyatakan sederhana faham, 111 (54.4 %) menyatakan faham dan 43 (21.1 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan berkaitan dengan pengertian khurafat, 20 (9.8 %) menjawab kurang faham, 26 (12.7 %) menyatakan sederhana faham, 104 (51.0 %) menyatakan faham dan seramai 54 (26.5 %) menyatakan sangat faham.

Mengenai kefahaman responden tentang cara-cara bagaimana khurafat dapat memporak-perandakan masyarakat, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, 21 (10.3 %) menyatakan kurang faham, 28 (13.7 %) menyatakan sederhana faham, 111 (54.4 %) menyatakan faham dan 43 (21.1 %) menyatakan sangat faham. Bagi pemahaman responden tentang pengertian sihir, tujuh (3.4 %) menyatakan kurang faham, 19 (9.3 %) menyatakan sederhana faham, 121 (59.3 %) menyatakan faham dan seramai 57 (27.9 %) menyatakan sangat faham.

Bagi pemahaman responden tentang cara-cara sihir dapat memporak-perandakan masyarakat, tiga (1.5 %) menyatakan tidak faham, 12 (5.9 %) menyatakan kurang faham, 21 (10.3 %) menyatakan sederhana faham, 118 (57.8 %) menyatakan faham dan 50 (24.5 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan pemahaman mereka tentang pengertian ‘nifaq’, tiga (1.5 %)

menyatakan tidak faham, 11 (5.4 %) menyatakan kurang faham, 36 (17.6 %) menyatakan sederhana faham, 115 (56.4 %) menyatakan faham dan seramai 39 orang (19.1 %) menyatakan sangat faham.

Selanjutnya, pemahaman responden tentang maksud dosa besar dan dosa kecil, kajian mendapati empat (2.0 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, 10 (4.9 %) menyatakan sederhana faham, 121 (59.3 %) menyatakan faham dan seramai 69 (33.8 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan dengan pemahaman responden tentang pengertian taubat, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, tujuh (3.4 %) menyatakan sederhana faham, 125 (61.3 %) menyatakan faham dan seramai 70 orang (34.3 %) menyatakan sangat faham.

Berkenaan dengan pemahaman responden tentang syarat-syarat taubat dan cara-caranya, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 21 (10.3 %) menyatakan kurang faham, 49 (24.0 %) menyatakan sederhana faham, 110 (53.9 %) menyatakan faham dan 22 (10.8 %) menyatakan sangat faham. Bagi pemahaman responden tentang pengertian dan konsep ujian Allah SWT, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, sembilan (4.4 %) menyatakan kurang faham, 39 (19.1 %) menyatakan sederhana faham, 135 (66.2 %) menyatakan faham dan seramai 20 orang (9.8 %) menyatakan sangat faham.

Ringkasan tentang pemahaman responden tentang konsep umum di dalam Ilmu Usuluddin di dalam KSBM boleh dilihat di dalam jadual yang berikut ;

Jadual 4.2.1: Tahap pemahaman responden tentang konsep asas di dalam Ilmu Usuluddin

	Tidak Faham		Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Makaud Akidah menurut al-Quran	6	2.9%	29	14.2%	38	18.6%	127	62.3%	4	2.0%	204	100.0%
Makaud Islam secara jelas			5	2.5%	13	6.4%	146	71.6%	40	19.6%	204	100.0%
Makaud Ihsan secara jelas	1	.5%	28	13.7%	39	19.1%	114	55.9%	22	10.8%	204	100.0%
Prinsip-prinsip akidah Islam	1	.5%	29	14.2%	84	41.2%	80	39.2%	10	4.9%	204	100.0%
Perkara yang membatalkan iman seseorang			4	2.0%	2	1.0%	126	61.8%	72	35.3%	204	100.0%
Makaud bertakwa kepada Allah SWT			8	3.9%	11	5.4%	130	63.7%	55	27.0%	204	100.0%
Makaud keadilan di dalam Islam	1	.5%	17	8.3%	29	14.2%	111	54.4%	46	22.5%	204	100.0%
Makaud bertawakkal kepada Allah SWT			4	2.0%	16	7.8%	117	57.4%	67	32.8%	204	100.0%
Peranan iman dalam memberi kelestanian rohani, jasmani dan akal	1	.5%	15	7.4%	33	16.2%	118	57.8%	37	18.1%	204	100.0%
Pengertian keimanan iman	1	.5%	27	13.2%	44	21.6%	112	54.9%	20	9.8%	204	100.0%
Cara-cara untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT			4	2.0%	9	4.4%	122	59.8%	69	33.8%	204	100.0%
Cara-cara Islam mampu membangunkan tamadun manusia	1	.5%	11	5.4%	52	25.5%	106	52.0%	34	16.7%	204	100.0%
Cara-cara Islam membawa rahmat kepada seluruh alam			17	8.3%	33	16.2%	111	54.4%	43	21.1%	204	100.0%
Makaud Khurafat			20	9.8%	26	12.7%	104	51.0%	54	26.5%	204	100.0%
Cara-cara khurafat memporak-perandakan masyarakat	1	.5%	21	10.3%	28	13.7%	111	54.4%	43	21.1%	204	100.0%
Makaud Sihir			7	3.4%	19	9.3%	121	59.3%	57	27.9%	204	100.0%
Cara-cara Sihir dapat memporak-perandakan masyarakat	3	1.5%	12	5.8%	21	10.3%	118	57.8%	50	24.5%	204	100.0%
Makaud Nifaq	3	1.5%	11	5.4%	36	17.6%	115	56.4%	39	19.1%	204	100.0%
Makaud doa besar dan doa kecil			4	2.0%	10	4.9%	121	59.3%	69	33.8%	204	100.0%
Makaud Taubat			2	1.0%	7	3.4%	125	61.3%	70	34.3%	204	100.0%
Syarat-syarat Taubat dan cara-caranya	2	1.0%	21	10.3%	49	24.0%	110	53.9%	22	10.8%	204	100.0%
Makaud dan konsep ujian Allah SWT	1	.5%	9	4.4%	39	19.1%	135	66.2%	20	9.8%	204	100.0%

4.2.2 Beriman Kepada Allah SWT

Bagi persoalan yang berkenaan dengan maksud beriman kepada Allah SWT, tiada responden yang menyatakan tidak faham dan kurang faham. Namun, empat (2.0 %) daripada mereka menyatakan sederhana faham, 138 (67.6 %) menyatakan faham dan 62 (30.4 %) menyatakan sangat faham. Mengenai

pemahaman responden tentang tujuan manusia dijadikan dan ke mana mereka akan dikembalikan, tiada yang menjawab tidak faham, lima (2.5 %) menyatakan kurang faham, 17 (8.3 %) menyatakan sederhana faham, 114 (55.9 %) menyatakan faham dan 68 (33.3 %) menyatakan sangat faham.

Bagi persoalan tentang segala yang diciptakan oleh Allah SWT adalah sebagai tanda kekuasaan-Nya, tiada responden yang menyatakan tidak faham, seorang (0.5 %) menyatakan kurang faham, 11 (5.4 %) menyatakan sederhana faham, 97 (47.5 %) menyatakan faham dan seramai 95 orang (46.6 %) menyatakan sangat faham. Seterusnya, pemahaman responden tentang jumlah sifat-sifat Allah SWT dan pengertiannya, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, 13 (6.4 %) menyatakan kurang faham, 62 (30.4 %) menyatakan sederhana faham, 107 (52.5 %) menyatakan faham dan 21 (10.3 %) menyatakan sangat faham.

Selanjutnya, pemahaman responden tentang cara-cara beriman kepada Allah SWT yang membawa kesan di dalam kehidupan manusia, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, 10 (4.9 %) menyatakan kurang faham, 22 (10.8 %) menyatakan sederhana faham, 137 (67.2 %) menyatakan faham dan 34 (16.7 %) menyatakan sangat faham. Dalam pada itu, berkenaan dengan pemahaman responden tentang maksud keesaan Allah SWT, tidak yang menjawab tidak faham, sembilan (4.4 %) menyatakan kurang faham, 27 (13.2 %) menyatakan sederhana faham, 109 (53.4 %) menyatakan faham dan seramai 59 (28.9 %) orang menyatakan sangat faham.

Bagi pemahaman responden tentang maksud Allah SWT Maha Pemurah dan Maha Penyayang, tiada yang menjawab tidak faham, tiga (1.5 %) menjawab kurang faham, 16 (7.8 %) menyatakan sederhana faham, 103 (50.5 %) menyatakan faham dan seramai 82 orang (40.2 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan tentang maksud Allah SWT Maha Bijaksana, tidak responden yang tidak faham mengenainya. Walau bagaimanapun, enam (2.9 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, 15 (7.4 %) menyatakan sederhana faham, 102 (50.0 %) menyatakan faham dan seramai 81 (39.7 %) menyatakan sangat faham.

Mengenai pemahaman responden tentang perbezaan antara sifat Allah SWT al-Rahman dan al-Rahim, tiada yang menyatakan tidak faham. Namun 29 (14.2 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, 56 (27.5 %) menyatakan sederhana faham, 90 (44.1 %) menyatakan faham dan 29 (14.2 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan pemahaman responden tentang nama-nama Allah SWT yang berjumlah 99 nama, tiga (1.5 %) menjawab tidak faham, sembilan (4.4 %) menyatakan kurang faham, 46 (22.5 %) menyatakan sederhana faham, 101 (49.5 %) menyatakan faham dan seramai 45 (22.1 %) menyatakan sangat faham.

Bagi persoalan tentang maksud ‘tiada awal’ dan ‘tiada akhir’ bagi zat Allah SWT, tujuh (3.4 %) responden menyatakan tidak faham, 32 (15.7 %) menyatakan kurang faham, 71 (34.8 %) menyatakan sederhana faham, 66 (32.4 %) menyatakan faham dan 28 (13.7 %) menyatakan sangat faham. Seterusnya, pemahaman responden tentang maksud Allah SWT Maha Mengetahui, seorang (0.5 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, lima

(2.5 %) menyatakan kurang faham, 22 (10.8 %) menyatakan sederhana faham, 112 (54.9 %) menyatakan faham dan seramai 64 (31.4 %) menyatakan sangat faham.

Berkenaan dengan pemahaman responden tentang kekuasaan Allah SWT berserta dengan dalil-dalilnya, tujuh (3.4 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 32 (15.7 %) menyatakan kurang faham, 68 (33.3 %) menyatakan sederhana faham, 82 (40.2 %) menyatakan faham dan 15 (7.4 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan dengan pemahaman responden tentang maksud Allah SWT Maha Adil, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, enam (2.9 %) menyatakan kurang faham, 24 (11.8 %) menyatakan sederhana faham, 115 (56.4 %) menyatakan faham dan seramai 58 (28.4 %) menyatakan sangat faham.

Ringkasan tentang dapatan kajian tersebut boleh dilihat di dalam jadual yang berikut ;

112
Opss

Jadual 4.2.2 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada Allah SWT

	Tidak Faham		Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Maksud beriman kepada Allah SWT					4	2.0%	138	67.6%	62	30.4%	204	100.0%
Tujuan manusia dijadikan dan ke mana mereka akan pergi			5	2.5%	17	8.3%	114	55.9%	68	33.3%	204	100.0%
Segala ciptaan Allah SWT adalah tanda kekuasaan-Nya			1	.5%	11	5.4%	97	47.5%	95	46.6%	204	100.0%
Jumlah sifat-sifat Allah SWT dan pengertiananya	1	.5%	13	6.4%	62	30.4%	107	52.5%	21	10.3%	204	100.0%
Cara-cara beriman kepada Allah SWT yang membawa kesan dalam kehidupan manusia	1	.5%	10	4.9%	22	10.8%	137	67.2%	34	16.7%	204	100.0%
Maksud keesaan Allah SWT			9	4.4%	27	13.2%	109	53.4%	59	28.9%	204	100.0%
Maksud Allah SWT Maha Pemurah dan Maha Penyayang			3	1.5%	16	7.8%	103	50.5%	82	40.2%	204	100.0%
Maksud Allah SWT Maha Bijaksana			6	2.9%	15	7.4%	102	50.0%	81	39.7%	204	100.0%
Perbezaan antara sifat Allah SWT al-Rahman dan al-Rahim			29	14.2%	56	27.5%	90	44.1%	29	14.2%	204	100.0%
Nama-nama Allah SWT yang berjumlah 99 nama	3	1.5%	9	4.4%	46	22.5%	101	49.5%	45	22.1%	204	100.0%
Maksud 'tiada awal' dan 'tiada akhir' bagi zat Allah SWT	7	3.4%	32	15.7%	71	34.8%	66	32.4%	28	13.7%	204	100.0%
Maksud Allah SWT Maha Mengetahui	1	.5%	5	2.5%	22	10.8%	112	54.9%	64	31.4%	204	100.0%
Kekuasaan Allah SWT bersama dengan allah-dallinya	7	3.4%	32	15.7%	68	33.3%	82	40.2%	15	7.4%	204	100.0%
Maksud Allah SWT Maha Adil	1	.5%	6	2.9%	24	11.8%	115	56.4%	58	28.4%	204	100.0%

4.2.3 Beriman kepada Malaikat

Bagi persoalan tentang pemahaman responden tentang maksud beriman kepada para Malaikat, tiada yang menyatakan tidak faham, 11 (5.4 %) menyatakan kurang faham, 32 (15.7 %) menyatakan sederhana faham, 107 (52.5 %) menyatakan faham dan 54 (26.5 %) menyatakan sangat faham. Kemudian, bagi persoalan tentang nama-nama Malaikat yang wajib diketahui, tiada yang menjawab tidak faham, 9 (4.4 %) menyatakan kurang faham, 31

(15.2 %) menyatakan sederhana faham, 98 (48.0 %) menyatakan faham dan 66 (32.4 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan dengan persoalan yang berkaitan dengan tugas-tugas Malaikat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, seorang (0.5 %) menyatakan tidak faham, lapan (3.9 %) menyatakan kurang faham, 41 (20.1 %) menyatakan sederhana faham, 99 (48.5 %) menyatakan faham dan 55 (27.0 %) menyatakan sangat faham. Ringkasan kepada kenyataan-kenyataan tersebut boleh dilihat di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.2.3 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada Malaikat

	Tidak Faham		Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Maksud beriman kepada Malaikat			11	5.4%	32	15.7%	107	52.5%	54	26.5%	204	100.0%
Nama-nama Malaikat yang wajib diketahui			9	4.4%	31	15.2%	98	48.0%	66	32.4%	204	100.0%
Tugas-tugas Malaikat yang telah ditetapkan Allah SWT	1	.5%	8	3.9%	41	20.1%	99	48.5%	55	27.0%	204	100.0%

4.2.4 Beriman Kepada Kitab

... Opsel

Berkenaan pemahaman responden tentang kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk memberi petunjuk manusia, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, empat (2.0 %) menyatakan kurang faham, 13 (6.4 %) menyatakan sederhana faham, 90 (44.1 %) menyatakan faham dan 95 (46.6 %) menyatakan sangat faham. Seterusnya, persoalan tentang maksud beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT, dua (1.0 %) menyatakan tidak faham, enam (2.9 %) menyatakan kurang faham, 27 (13.2 %)

menyatakan sederhana faham, 115 (56.4 %) menyatakan faham dan 54 (26.5 %) menyatakan sangat faham.

Bagi persoalan tentang pemahaman responden tentang huraian al-Qur'an yang mengandungi ajaran yang berkaitan akidah, syariat dan akhlak, sembilan (4.4 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 33 (16.2 %) menyatakan kurang faham, 66 (32.4 %) menyatakan sederhana faham, 75 (36.8 %) menyatakan faham dan 21 (10.3 %) menyatakan sangat faham. Kemudian, tentang peringkat-peringkat penurunan al-Qur'an, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 27 (13.2 %) menyatakan kurang faham, 74 (36.3 %) menyatakan sederhana faham, 82 (40.2 %) menyatakan faham dan 19 (9.3 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan yang berkaitan dengan peristiwa dan sebab-sebab pegumpulan al-Qur'an, tujuh (3.4 %) responden menyatakan tidak faham, 30 (14.7 %) menyatakan kurang faham, 69 (33.8 %) menyatakan sederhana faham, 77 (37.7 %) menyatakan faham dan seramai 21 orang (10.3 %) menyatakan sangat faham. Ringkasan kepada kenyataan-kenyataan tersebut adalah di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.2.4 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada Kitab

	Tidak Faham		Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kitab-kitab yang diturunkan Allah SWT adalah untuk memberi petunjuk kepada manusia	2	1.0%	4	2.0%	13	6.4%	90	44.1%	95	46.6%	204	100.0%
Maksud beriman kepada kitab-kitab Allah SWT	2	1.0%	6	2.9%	27	13.2%	115	56.4%	54	26.5%	204	100.0%
Hurufan al-Quran yang mengandungi ajaran yang berkaitan akidah, syariat dan akhlak	9	4.4%	33	16.2%	66	32.4%	75	36.8%	21	10.3%	204	100.0%
Peringkat-peringkat penurunan al-Quran	2	1.0%	27	13.2%	74	36.3%	82	40.2%	19	9.3%	204	100.0%
Peristiwa dan sebab-sebab pengumpulan al-Quran	7	3.4%	30	14.7%	69	33.8%	77	37.7%	21	10.3%	204	100.0%

4.2.5 Beriman Kepada Rasul

Berkenaan pemahaman responden tentang maksud beriman kepada para rasul, tiada yang menjawab tidak faham, lapan (3.9 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, 13 (6.4 %) menyatakan sederhana faham, 124 (60.8 %) menyatakan faham dan 59 (28.9 %) menyatakan sangat faham. Selanjutnya, berkenaan kefahaman responden tentang tanggungjawab para rasul sebagai utusan Allah SWT kepada manusia, tiada responden yang menyatakan tidak faham, seorang (0.5 %) menyatakan kurang faham, 15 (7.4 %) menyatakan sederhana faham, 132 (64.7 %) menyatakan faham dan 56 (27.5 %) menyatakan sangat faham.

Bagi persoalan tentang nama-nama dan kisah-kisah 25 orang rasul yang wajib diketahui, tiada responden yang menyatakan tidak faham, 18 (8.8 %) menyatakan kurang faham, 58 (28.4 %) menyatakan sederhana faham, 84

(41.2 %) menyatakan faham dan 44 (21.6 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan dengan kefahaman mereka tentang huraian yang berkaitan dengan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi para rasul, tiada yang menyatakan tidak faham, 14 (6.9 %) menyatakan kurang faham, 52 (25.5 %) menyatakan sederhana faham, 105 (51.5 %) menyatakan faham dan 33 (16.2 %) menyatakan sangat faham.

Selanjutnya, bagi persoalan tentang pengertian ‘maksum’ yang berlaku kepada para nabi dan rasul, tiada yang menjawab tidak faham, 23 (11.3 %) menyatakan kurang faham, 33 (16.2 %) menyatakan sederhana faham, 107 (52.5 %) menyatakan faham dan 41 (20.1 %) menyatakan sangat faham. Sementara itu, kefahaman responden tentang huraian berkaitan dengan para rasul daripada kalangan Ulu al-Azmi, tiada responden yang tidak faham, 19 (9.3 %) menyatakan kurang faham, 56 (27.5 %) menyatakan sederhana faham, 95 (46.6 %) menyatakan faham dan seramai 34 (16.7 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan berkaitan dengan maksud *mukjizat* dan huraianya yang berlaku kepada para rasul, tiada yang menyatakan tidak faham, lapan (3.9 %) menyatakan kurang faham, 29 (14.2 %) menyatakan sederhana faham, 126 (61.8 %) menyatakan faham dan 41 (20.1 %) menyatakan sangat faham. Kenyataan-kenyataan tadi diringkaskan di dalam jadual berikut ;

Jadual 4.2.5 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada rasul

	Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Maksud beriman kepada para rasul	8	3.9%	13	6.4%	124	60.8%	59	28.9%	204	100.0%
Tanggungjawab rasul-rasul sebagai utusan Allah SWT kepada manusia	1	.5%	15	7.4%	132	64.7%	56	27.5%	204	100.0%
Nama-nama dan kisah-kisah 25 rasul yang wajib diketahui	18	8.8%	58	28.4%	84	41.2%	44	21.6%	204	100.0%
Huraian tentang sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi para rasul	14	6.9%	52	25.5%	105	51.5%	33	16.2%	204	100.0%
Maksud 'maksum' yang berlaku kepada para nabi dan rasul	23	11.3%	33	16.2%	107	52.5%	41	20.1%	204	100.0%
Huraian tentang rasul-rasul dari kalangan Ulu al-Azmi	19	9.3%	56	27.5%	95	46.6%	34	16.7%	204	100.0%
Maksud 'mukjizat' dan huraiannya yang berlaku kepada para rasul	8	3.9%	29	14.2%	126	61.8%	41	20.1%	204	100.0%

4.2.6 Beriman kepada Hari Akhirat

Bagi persoalan yang berkenaan dengan pemahaman responden tentang pengertian dan gambaran mengenai hari akhirat, dua orang (1.0 %) menyatakan tidak faham, empat (2.0 %) menyatakan kurang faham, 21 (10.3 %) menyatakan sederhana faham, 110 (53.9 %) menyatakan faham dan 67 (32.8 %) menyatakan sangat faham. Kemudian, tentang persoalan pemahaman responden berkenaan pengertian dan gambaran mengenai alam Barzakh, empat (2.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 13 (6.4 %) menyatakan kurang faham, 30 (14.7 %) menyatakan sederhana faham, 95 (46.6 %) menyatakan faham dan 62 (30.4 %) menyatakan sangat faham.

Berkenaan dengan pemahaman responden tentang tanda-tanda hari kiamat, tiada yang menyatakan tidak faham, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan kurang faham, 12 (5.9 %) menyatakan sederhana faham, 112 (54.9 %) menyatakan faham dan 78 (38.2 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan berkaitan dengan pengertian dan gambaran mengenai al-Mizan, empat (2.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 23 (11.3 %) menyatakan kurang faham, 79 (38.7 %) menyatakan sederhana faham, 84 (41.2 %) menyatakan faham dan 14 (6.9 %) menyatakan sangat faham.

Seterusnya, berkenaan pemahaman responden tentang pengertian dan gambaran mengenai al-Hisab, dua (1.0 %) daripada mereka menyatakan tidak faham, 26 (12.7 %) menyatakan kurang faham, 73 (35.8 %) menyatakan sederhana faham, 82 (40.2 %) menyatakan faham dan 21 (10.3 %) menyatakan sangat faham. Bagi persoalan berkenaan pengertian dan gambaran mengenai al-Sirat, empat (2.0 %) menyatakan tidak faham, 29 (14.2 %) menyatakan kurang faham, 80 (39.2 %) sederhana faham, 77 (37.7 %) menyatakan faham dan 14 (6.9 %) menyatakan sangat faham.

Selanjutnya, berkenaan pemahaman responden tentang pengertian dan gambaran mengenai syurga, tiada yang menyatakan tidak faham, lapan (3.9 %) menyatakan kurang faham, 19 (9.3 %) menyatakan sederhana faham, 109 (53.4 %) menyatakan faham dan seramai 68 (33.3 %) menyatakan sangat faham. Berkenaan dengan pengertian dan gambaran mengenai Neraka, dua (1.0 %) orang menyatakan tidak faham, enam (2.9 %) menyatakan kurang faham, 19 (9.3 %)

menyatakan sederhana faham, 109 (53.4 %) menyatakan faham dan 68 (33.3 %) menyatakan sangat faham. Ringkasan tentang jawapan responden tersebut boleh dilihat di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.2.6 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada Hari Qiamat

	Tidak Faham		Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Pengertian dan gambaran mengenai Hari Akhirat	2	1.0%	4	2.0%	21	10.3%	110	53.9%	67	32.8%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai alam Barzakh	4	2.0%	13	6.4%	30	14.7%	95	46.6%	62	30.4%	204	100.0%
Tanda-tanda Hari Qiamat			2	1.0%	12	5.9%	112	54.9%	78	38.2%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai al-Mizan	4	2.0%	23	11.3%	79	38.7%	84	41.2%	14	6.9%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai al-Hisaab	2	1.0%	26	12.7%	73	35.8%	82	40.2%	21	10.3%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai al-Sirat	4	2.0%	29	14.2%	80	39.2%	77	37.7%	14	6.9%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai Syurga			8	3.9%	19	9.3%	109	53.4%	68	33.3%	204	100.0%
Pengertian dan gambaran mengenai Neraka	2	1.0%	6	2.9%	19	9.3%	109	53.4%	68	33.3%	204	100.0%

4.2.7 Beriman Kepada Qada' dan Qadar

Bagi persoalan mengenai pemahaman responden tentang maksud dan huraian mengenai Qada' dan Qadar, tiada yang menyatakan tidak faham, 12 (5.9 %) menyatakan kurang faham, 29 (14.2 %) menyatakan sederhana faham, 114 (55.9 %) menyatakan faham dan 49 (24.0 %) menyatakan sangat faham. Berkemaan pemahaman responden tentang huraian yang berkaitan dengan segala yang berlaku adalah ketentuan Allah SWT, tiada yang menyatakan tidak faham,

dua (1.0 %) menyatakan kurang faham, 36 (17.6 %) menyatakan sederhana faham, 114 (55.9 %) menyatakan faham dan 52 (25.5 %) menyatakan sangat faham. Seterusnya, berkenaan dengan pemahaman responden tentang huraian berkaitan hikmah beriman kepada Qada' dan Qadar, juga tiada yang menjawab tidak faham, sembilan (4.4 %) menyatakan kurang faham, 47 (23.0 %) menyatakan sederhana faham, 100 (49.0 %) menyatakan faham dan 48 (23.5 %) menyatakan sangat faham. Ringkasan kepada kenyataan-kenyataan tersebut adalah sebagaimana di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.2.7 : Tahap pemahaman responden tentang keimanan kepada Qada' dan Qadar

	Kurang Faham		Sederhana Faham		Faham		Sangat Faham		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Maksud dan huraian mengenai Qada' dan Qadar	12	5.9%	29	14.2%	114	55.9%	49	24.0%	204	100.0%
Huraian mengenai segala yang berlaku adalah ketentuan Allah SWT	2	1.0%	36	17.6%	114	55.9%	52	25.5%	204	100.0%
Huraian tentang hikmah beriman kepada Qada' dan Qadar	9	4.4%	47	23.0%	100	49.0%	48	23.5%	204	100.0%

4.3 Penghayatan Responden Terhadap Ilmu Usuluddin Di Dalam KBSM

Berkenaan penghayatan responden tentang keyakinan mereka terhadap asas-asas iman yang telah ditentukan oleh Allah SWT, seorang (0.5 %) menyatakan tidak hayati, 14 (6.9 %) menyatakan kurang hayati, 67 (32.8 %) menyatakan sederhana hayati, 102 (50.0 %) menyatakan hayati dan seramai 20

orang (9.8 %) menyatakan sangat hayati. Berkenaan penghayatan mereka dalam sentiasa mensyukuri segala nikmat yang diberikan oleh SWT, tiada yang menyatakan tidak hayati, tujuh (3.5 %) menyatakan kurang hayati, 21 (10.4 %) menyatakan sederhana hayati, 124 (61.4 %) menyatakan hayati dan 50 (24.8 %) menyatakan sangat hayati.

Berkenaan persoalan tentang penghayatan responden dalam sentiasa menyerah diri dan bertawakal kepada Allah SWT, tiada yang menyatakan tidak hayati, 14 (6.9 %) menyatakan kurang hayati, 27 (13.2 %) menyatakan sederhana hayati, 123 (60.3 %) menyatakan hayati dan 40 (19.6 %) menyatakan sangat hayati. Dalam pada itu, penghayatan responden dalam sentiasa merendah diri kepada Allah SWT, tiada yang menyatakan tidak hayati, 9 (4.4 %) menyatakan kurang hayati, 38 (18.6 %) menyatakan sederhana hayati, 112 (54.9 %) menyatakan hayati dan seramai 45 (22.1 %) menyatakan sangat hayati.

Bagi dapatan kajian berkenaan penghayatan responden di dalam kesentiasaan mereka beribadah kepada Allah SWT, tiada yang menyatakan tidak hayati, 13 (6.4 %) menyatakan kurang hayati, 19 (9.3 %) menyatakan sederhana hayati, 139 (68.1 %) menyatakan hayati dan 33 (16.2 %) menyatakan sangat hayati. Sementara itu, penghayatan mereka di dalam usaha meningkatkan keimanan dan pengetahuan di dalam agama Islam, tiada yang menyatakan tidak hayati, 12 (5.9 %) menyatakan kurang hayati, 41 (20.1 %) menyatakan sederhana hayati, 105 (51.5 %) menyatakan hayati dan seramai 46 (22.5 %) responden menyatakan sangat hayati.

Bagi penghayatan mereka di dalam usaha menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan iman, tiada yang menyatakan tidak hayati, lapan (3.9 %) menyatakan kurang hayati, 11 (5.4 %) menyatakan kurang hayati, 117 (57.4 %) menyatakan hayati dan 68 (33.3 %) menyatakan sangat hayati. Bagi perkara yang berkenaan dengan usaha responden untuk mendapatkan kemanisan iman dan iman yang kukuh, seorang (0.5 %) menyatakan tidak hayati, 14 (6.9 %) menyatakan kurang hayati, 38 (18.6 %) menyatakan sederhana hayati, 102 (50.0 %) menyatakan hayati dan 49 (24.0 %) menyatakan sangat hayati.

Selanjutnya, berkenaan penghayatan responden di dalam sentiasa beristiqamah melakukan amalan yang soleh, tiada yang menyatakan tidak hayati, 22 (10.8 %) menyatakan kurang hayati, 77 (37.7 %) menyatakan sederhana hayati, 75 (36.8 %) menyatakan hayati dan seramai 30 orang (14.7 %) menyatakan sangat hayati. Dalam pada itu pula, persoalan mengenai penghayatan mereka di dalam sentiasa berusaha membangunkan akal dan rohani, tiada yang menyatakan tidak hayati, sepuluh (4.9 %) menyatakan kurang hayati, 47 (23.0 %) menyatakan sederhana hayati, 119 (58.3 %) menyatakan hayati dan 28 (13.7 %) menyatakan sangat hayati.

Ringkasan dapatan kajian yang dinyatakan tadi dapat dilihat di dalam jadual di bawah ;

Jadual 4.3(a) : Tahap penghayatan responden tentang Ilmu Usuluddin di dalam KBSM

	Tidak Hayati		Kurang Hayati		Sederhana Hayati		Hayati		Amar Hayati		JUMLAH	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Keyakinan terhadap ajar-ajaran iman yang ditentukan Allah SWT semakin meningkat	1	.5%	14	6.9%	67	32.6%	102	50.0%	20	9.8%	204	100.0%
Sentiasa menyekuri terhadap segala nikmat Allah SWT			7	3.5%	21	10.4%	124	61.4%	50	24.8%	202	100.0%
Sentiasa menyerah diri dan bertawakkal kepada Allah SWT			14	6.9%	27	13.2%	123	60.3%	40	19.6%	204	100.0%
Sentiasa merendah diri kepada Allah SWT			9	4.4%	38	18.6%	112	54.9%	45	22.1%	204	100.0%
Sentiasa beribadah kepada Allah SWT			13	6.4%	19	9.3%	139	68.1%	33	16.2%	204	100.0%
Sentiasa berusaha meningkatkan keimanan dan pengetahuan di dalam agama Islam			12	5.9%	41	20.1%	105	51.5%	46	22.5%	204	100.0%
Mengajuhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh membatalkan iman			8	3.9%	11	5.4%	117	57.4%	68	33.3%	204	100.0%
Sentiasa berusaha untuk mendapatkan keimanan iman dan iman yang kukuh	1	.5%	14	6.9%	38	18.6%	102	50.0%	49	24.0%	204	100.0%
Sentiasa beristiqamah melakukan amalan yang soleh			22	10.8%	77	37.7%	75	36.8%	30	14.7%	204	100.0%
Sentiasa berusaha membangunkan akal dan rohani			10	4.9%	47	23.0%	119	58.3%	28	13.7%	204	100.0%

Bagi persoalan berkenaan penghayatan responden tentang usaha mereka mengamalkan segala ajaran Islam, tiada yang menyatakan tidak hayati, empat (2.0 %) menyatakan kurang hayati, 18 (8.8 %) menyatakan sederhana hayati, 134 (65.7 %) menyatakan hayati dan 48 (23.5 %) menyatakan sangat hayati. Berkenaan penghayatan mereka di dalam menyayangi segala benda yang wujud di alam ini dan memeliharanya, tiada yang menyatakan tidak hayati, 16 (78.8 %) menyatakan kurang hayati, 46 (22.5 %) menyatakan sederhana hayati, 106 (52.0 %) menyatakan hayati dan 36 (17.6 %) menyatakan sangat hayati.

